



ARUL KANDA KANDASAMY ketika berucap membentangkan mengenai 1MDB dalam Majlis Penerangan Perdana (MPP) di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam. - MINGGUAN/NASIRRUDDIN YAZID

1MDB pastikan tarif elektrik kekal rendah selepas jual Edra

Oleh AZMAN IBRAHIM dan HUSSAINI AMRAN

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Syarikat pelaburan strategik kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) akan memastikan kadar tarif elektrik kekal rendah demi kepentingan rakyat walaupun selepas penjualan keseluruhan aset syarikat tenaga, Edra Global Energy Bhd. (Edra).

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulannya, Arul Kanda Kandasamy berkata, pembida-pembida lain perlu mengekalkan harga yang lebih rendah sekiranya ingin mendapatkan syarikat itu.

Beliau memberitahu, sebelum ini, 1MDB sebagai syarikat milik kerajaan terpaksa membayar lebih untuk membida Edra serta menetapkan kadar tarif elektrik yang lebih rendah untuk mewujudkan persaingan.

"Katakan kadar tarif yang ditawarkan adalah 35 sen, 1MDB membuat bidaan pada harga 34 sen. Beza satu sen itu jika didarab dengan 2,000 MegaWatt dan didarab

dengan 20 tahun, nilai tarif yang diperoleh adalah lebih kurang RM2.9 bilion.

"Penurunan satu sen untuk satu stesen jana kuasa penjana tenaga bebas (IPP) adalah bersamaan dengan RM2.9 bilion. Jika dikali dengan empat stesen IPP akan menjadi lebih RM12 bilion," katanya sewaktu membentangkan mengenai 1MDB dalam Majlis Penerangan Perdana (MPP) di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Yang turut sama menjadi pembentang dalam MPP ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

MPP yang merupakan anjuran UMNO dihadiri lebih 2,000 pengunjung dari seluruh negara.

Aset Edra terdiri daripada lima loji jana kuasa tempatan dan lapan antarabangsa termasuk di Bangladesh dan Mesir selain merupakan yang kedua terbesar di Malaysia selepas Malakoff Corp Bhd. Syarikat kerajaan itu juga mempunyai asetnya di Emiriah Arab Ber-

satu (UAE) dan Pakistan menerusi syarikat usaha sama.

Ketika ini empat syarikat dilaporkan berminat untuk mengambil alih 13 aset tenaga Edra yang bernilai RM10 bilion atau AS\$2.3 bilion.

Tambah Arul, pelan rasionalisasi yang dijalankan 1MDB termasuk menjual aset-asetnya bagi mengurangkan hutang dijangka mengumpul lebih RM42 bilion, bersamaan dengan jumlah hutang 1MDB sekarang ini.

Sehubungan itu, katanya, aset-aset yang dimiliki 1MDB adalah lebih daripada mencukupi untuk melangsaikan hutang-hutang syarikat pada waktu ini.

Aset-aset yang masih dimiliki syarikat adalah Bandar Malaysia dengan pegangan 40 peratus, Tun Razak Exchange, beberapa kawasan di Ayer Hitam dan Pulau Indah.

"Penjualan Edra dijangka memberi pulangan sebanyak RM16 bilion sehingga RM18 bilion, penjualan 60 peratus ekuiti kepada pelabur asing untuk Bandar Malaysia membawa pulangan.